

**PERARAKAN KENDERAAN BERHIAS, PERASMIAN EKO KORIDOR DAN MAJLIS JUNJUNG KASIH
DAN KESYUKURAN BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN JUBLI EMAS KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENAIKI TAKHTA**

PADA: 22 OKTOBER 2017

**BERTEMPAT: TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIN DAN DI KAWASAN
EKO KORIDOR, SUNGAI KEDAYAN**



Kementerian Perhubungan mempersembahkan rekabentuk "KENDERAAN PERKHIDMATAN KOMUTER" yang mencerminkan visinya berpandangan jauh kehadapan. Pertumbuhan jumlah kenderaan sebanyak 8% setiap tahun kepada jumlah masakini sebanyak 399,000 merupakan antara cabaran pengangkutan darat dalam penanganan isu kesesakan lalulintas. Perancangan Projek Penaiktarafan Sistem Pengangkutan Awam Negara yang merangkumi sistem teksi bermeter dan sistem bas Rapid Transit sedang giat dilaksanakan demi meningkatkan kesalinghubungan dan keberkesanan pergerakan manusia di negara ini. Dapatan awal dalam tempoh 2 jam pada sebelah pagi iaitu 4000 kenderaan membuat perjalanan dari BSB ke KB, memberi gambaran bahawa perkhidmatan komuter ini boleh diterokai melalui usahasama rapat Kerajaan dan sektor swasta melalui berbagai kaedah termasuk *Public Private Partnership*.